

KENYATAAN MEDIA
PRESS RELEASE**PENYERAHAN MEMORANDUM DI PARLIMEN BERKENAAN BANTAHAN**
CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BERHUBUNG
KEWARGANEGARAAN YANG REGRESIF DAN TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN

Saya, Wong Kueng Hui, seorang bekas individu tanpa kewarganegaraan berasal dari Keningau, Sabah, telah berjuang selama 16 tahun hanya untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai rakyat Malaysia secara sah melalui Mahkamah.

Tujuan kami hadir di perkarangan Parlimen pada hari ini adalah untuk menyerahkan memorandum berkenaan bantahan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung kewarganegaraan yang regresif dan akan dibentang dalam masa terdekat.

Saya telah mendengar ucapan dari Yang Berhormat (YB) Menteri Dalam Negeri, YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution pada 11 Mac 2024 di Dewan Rakyat secara mendalam dan terperinci berkenaan justifikasi beliau terhadap cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang regresif ini.

Menurut beliau, terdapat kes pasangan warga asing meninggalkan bayi yang baru lahir selepas bersalin di hospital dan ia dilakukan secara sengaja oleh warga asing kerana mereka tahu bahawa kanak-kanak itu secara automatik boleh mendapat kewarganegaraan Malaysia mengikut Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Di sini saya ingin tekankan bahawa, jika sememangnya anak-anak dimaksudkan terbukti lahir dari ibu dan bapa warga asing, maka secara jelas tidak sah untuk memperolehi kewarganegaraan melalui Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada. Maka YB Menteri tidak perlulah bawa hujahan dan alasan yang tidak relevan dalam pindaan ini.

Isu yang kita tekankan adalah anak-anak Malaysia yang tiada kewarganegaraan. Ini termasuklah "foundling children", anak angkat, kes kehilangan atau keciciran dokumen, "children born out of wedlock", anak pada ibu bapa yang berstatus permastautin tetap. Mereka ini tidak patut disamakan dengan warga asing.

Menurut YB Menteri, tujuan pindaan ini harus dilaksanakan adalah untuk memastikan ada elemen kawalan untuk mengelak memberi kewarganegaraan kepada orang yang tidak layak.

Di Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada, kerajaan memang sudah pun mempunyai kuasa dan elemen kawalan melalui Perkara 15(a) di mana kerajaan mempunyai hak budi bicara untuk memberi kerakyatan kepada anak-anak di bawah umur 21 tahun.

Jadi apa yang saya lihat, elemen kawalan dalam pindaan ini adalah cubaan kerajaan untuk merampas hak Perlembagaan yang sedia ada dan meletakkan kuasa mereka melebihi Perlembagaan Persekutuan. Ingin saya tekankan bahawa kerakyatan itu adalah hak, bukannya anugerah.

Perlembagaan Persekutuan sedia ada yang ditulis pada tahun 1963, melalui pandangan jauh serta ihsan manusiawi Tunku Abdul Rahman, telah pun mempertimbangkan keadaan di mana seseorang anak Malaysia boleh terperangkap di dalam situasi tanpa kerakyatan. Maka pindaan ini tidak sejajar dengan dengan visi asal Tunku dan juga agenda reformasi Kerajaan Madani.

Pindaan ini juga akan memudaratkan komuniti-komuniti tanpa kewarganegaraan yang sedia ada, termasuk Orang Asli, Orang Asal Pribumi Sabah dan Sarawak, serta mewujudkan sebuah kelas baharu tanpa kerakyatan yang akan terus terperangkap dalam "bureaucratic limbo".

Kita sering berbicara tentang kezaliman terhadap kanak-kanak yang berlaku di Palestin. Namun di tanah air kita sendiri, Kerajaan Madani pula yang bertindak zalim terhadap anak-anak Malaysia yang mempunyai masalah dokumentasi melalui pindaan ini.

Isu ini menjangkau politik kepartian, ia berkenaan hak asasi manusia. Saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan, khususnya ahli-ahli parlimen Sabah dan Sarawak, untuk meneliti isu kewarganegaraan ini dengan lebih mendalam sebelum meneruskan cadangan pindaan ini.

Saya juga menyeru kepada wakil-wakil rakyat dari blok pembangkang untuk laksanakan tanggungjawab sebagai semak imbang yang efektif dalam Dewan Rakyat. Saya dan rakan-rakan dari Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) serta pelbagai NGO sentiasa sedia dan terbuka untuk berjumpa, berbincang, dan bekerjasama untuk menangani isu ini, tidak kira sama ada dari pihak kerajaan mahupun pembangkang.

Terima kasih.

Wong Kueng Hui
Aktivis Hak Kewarganegaraan
Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)
13 Mac 2024